

# 29 anak PERMATA tunai umrah

■ Dedah pengalaman sebenar pembelajaran, semai cinta pada Nabi

Oleh Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@hmetro.com.my  
Putrajaya

Seramai 29 kanak-kanak PERMATA Insan, bertuah kerana berpeluang mengikuti program lawatan ilmiah ke Jeddah, Madinah dan Makkah bermula hari ini sehingga 18 April depan.

Lebih manis, seramai 12 kanak-kanak lelaki dan 17 perempuan itu turut berpeluang menunaikan umrah ketika lawatan apabila diiringi serta dibimbing oleh tujuh guru mereka.

Dalam satu majlis ringkas semalam, semua kanak-kanak itu diraikan oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor merangkap



ROSMAH bersama kanak-kanak PERMATA Insan yang bakal menjejakkan kaki ke Tanah Suci.

Penaung PERMATA pada majlis pertemuan dan ucapan selamat jalan kepada kanak-kanak berkenaan berlangsung di Dewan Banquet, Kompleks Seri Perdana, di sini.

Program julung kali itu ditaja oleh Lembaga Tabung Haji (TH) dengan kerjasama Kementerian Luar; Kedutaan

Besar Malaysia di Riyadh dan Kementerian Pendidikan Arab Saudi.

Sementara itu, Rosmah berkata, menerusi lawatan itu, anak-anak PERMATA Insan dapat didedahkan dengan pengalaman sebenar mengenai apa yang mereka pelajari sejak menyertai

program itu.

Beliau berkata, kanak-kanak itu juga berpeluang menghayati serta menanam rasa cinta kepada Rasulullah SAW iaitu selari dengan pembelajaran yang diterapkan dalam program PERMATA.

"Selain daripada program lawatan, mereka juga ber-

peluang bertemu dengan tokoh Islam yang disegani seperti Imam Besar Masjidil Haram iaitu Sheikh Abdur Rahman As Sudais.

"Mereka juga akan me-

ngadakan sesi bertalaqi di kedua-dua masjid di Madinah dan Makkah seterusnya melawat tempat bersejarah dan The Clock Tower," katanya ketika berucap merasmikan program lawatan itu di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Ismee Ismail; Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Profesor Datuk Dr Asma Ismail dan Pengarah PERMATA Insan Profesor Datuk Dr Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim.

Seorang peserta program,

Ahmad Faiz Yazid, 12, berkata, dia berasa bertuah kerana berpeluang mengikuti lawatan itu kerana ianya sukar dan jarang diperolehi oleh rakan seusia-nya.

Katanya, mereka juga beruntung kerana dapat mengunjungi universiti tersohor dalam bidang Sains Islam iaitu Universiti Umm Al Qura' dan Universiti King Abdul Aziz.

**"Mereka turut berpeluang bertemu tokoh Islam seperti Imam Besar Masjidil Haram"**  
Rosmah Mansor